

Exco Selangor: Kos tinggi adakan pilihan raya berasingan bukan satu masalah
Malaysian Insider
24 September, 2012

KUALA LUMPUR, 24 Sept — Ketiga-tiga ahli majlis mesyuarat negeri (Exco) Selangor dari PKR, PAS dan DAP tidak merasakan membelanjakan lebih wang pembayar cukai untuk mengadakan pilihan raya berasingan dengan pilihan raya umum (PRU) sebagai satu masalah.

Ronnie Liu yang juga ahli dewan undangan negeri (Adun) Pandamaran berkata, ini kerana, jika rakyat tersalah pilih kerajaan, perbelanjaan negeri atau negara akan semakin meningkat akibat memilih pemimpin bermasalah.

“Kos lagi tinggi kalau pilih kerajaan membazir, melakukan jenayah rasuah atau ketirisan. Lagi teruk nanti kalau sampai harga air dan elektrik meningkat.

“Bagi saya, kita kena buat perbandingan. Memang kos tinggi kalau buat pilihan raya berasingan, tapi ia berbaloi jika boleh memilih kerajaan lebih efisien, saksama dan bersih,” katanya dipetik dari Sinar Harian Online ketika diminta mengulas berhubung pendirian Selangor yang enggan menyertai negeri lain pada PRU ke 13 nanti.

Menurut Ronnie, terdapat hampir 500,000 pengundi baru di Selangor. Namun, setakat ini, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak boleh memberi jaminan daftar pengundi itu bersih.

Ditanya tentang jumlah pengundi yang mungkin terjejas jika pilihan raya diadakan secara berasingan, Ronnie berkata, ia tidak menjadi masalah kerana kerajaan negeri akan memilih tarikh bersesuaian untuk mengadakan pilihan raya negeri nanti.

“Kita ada kuasa untuk pilih tarikh pilihan raya negeri. Jadi kita boleh cari hari cuti supaya pengundi boleh keluar mengundi,” katanya.

Iskandar Abdul Samad dari PAS berkata, pendirian Selangor untuk mengadakan pilihan raya asing itu adalah mengikut perlembagaan Malaysia dan perkara itu sudah dibincangkan dalam Pakatan Rakyat (PR) sebelum ini.

“Ini adalah hak kita dalam demokrasi. Kalau kata kos tinggi, (Kerajaan Pusat) buatlah pilihan raya bersama-sama (Selangor).

“Saya yakin rakyat sekarang tertunggu-tunggu untuk mengundi seperti mana yang berlaku dalam himpunan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih), ramai yang turun sertai.

“Jadi saya rasa tidak timbul isu jumlah yang turun mengundi pada PRU ini akan terjejas jika rakyat terpaksa turun undi dua kali,” katanya, yang juga Adun Cempaka.

Sementara itu, Adun Bukit Lanjan Elizabeth Wong menyifatkan mengundi dua kali dalam pilihan raya berasingan adalah antara proses pengukuhan sistem demokrasi biasa seperti yang diamalkan di negara maju.

"Saya lebih hairan kenapa isu ini (pilihan raya asing) timbul sedangkan perkara ini telah diumumkan menteri besar (Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim) sejak 2010 lagi.

"Jelas Kerajaan Pusat takut dengan PR yang mahu adakan pilihan raya secara berasingan," katanya.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/exco-selangor-kos-tinggi-adakan-pilihan-raya-berasingan-bukan-satu-masalah/>